

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN TINGKATAN EMPAT 2010**

1103/2

BAHASA MELAYU**Kertas 2****Oktober****2 ½ jam****Dua jam tiga puluh minit****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawapan bagi Soalan 2(b), Soalan 2(c), Soalan 2(d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi*

Disediakan Oleh:

AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai Oleh:

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU*Dicetak Oleh:*

Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.

Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063

Kertas soalan ini mengandungi 9 halaman bercetak

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faktor-faktor yang menjadikan Malaysia sebagai pusat transit perdagangan orang dan cara-cara mengekang kegiatan tersebut. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Jenayah perdagangan orang dipandang serius oleh pihak berkuasa di negara ini. Skop jenayah ini merangkumi pembekalan wanita untuk eksploitasi seksual dan kanak-kanak pula dipaksa meminta sedekah, dijadikan anak angkat, dan diambil organnya untuk dijual. Menurut Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, sehingga Mac tahun ini, lebih daripada 400 orang wanita dan 44 orang kanak-kanak berjaya diselamatkan oleh pihak berkuasa negara ini dan diletakkan di rumah perlindungan seliaan kementeriannya. Beliau berkata, setiap tahun dianggarkan kira-kira 600 ribu orang hingga 800 ribu orang *diseludup merentasi sempadan* antarabangsa dengan 50 peratus hingga 80 peratus daripadanya terdiri daripada wanita dan kanak-kanak.

Penyeludup menjadikan Malaysia sebagai lokasi transit perdagangan orang kerana negara ini terletak di tengah-tengah Asia Tenggara. Hal ini memudahkan penyeludup untuk menempatkan mangsa yang diseludup di negara jiran sebelum dibawa masuk ke negara ini. Kos hidup yang secara relatifnya masih rendah di negara ini pula menjadi daya tarikan kepada warga asing. Selain itu, raut wajah dan warna kulit yang hampir sama dengan rakyat negara ini menjadikan warga asing yang diseludup masuk dari negara jiran sukar untuk dikesan oleh pihak berkuasa tempatan. Penyeludup pula menjanjikan kehidupan yang selesa termasuklah pendapatan yang lumayan untuk dikirinkan ke negara asal, asalkan warga asing yang diseludup dari negara jiran sanggup bekerja di negara ini.

Segelintir individu di negara ini yang tamak pula, sanggup bersubahat dengan penyeludup kerana dijanjikan ganjaran yang lumayan. Bayangkan, penyeludup mengenakan bayaran antara AS\$10 ribu (RM35 ribu) sehingga AS\$12 ribu (RM42 ribu) untuk setiap orang yang berjaya diseludup. Masalah ini juga berkait rapat dengan pendatang tanpa izin. Hal ini demikian kerana apabila pendatang tanpa izin yang kebanyakannya dari Thailand, Kemboja, Filipina, dan Indonesia gagal mendapatkan pekerjaan yang dijanjikan di negara ini, mereka turut terjebak dalam jenayah perdagangan orang. Keadaan persisiran pantai yang panjang dan sempadan negara ini yang luas memudahkan penyeludup beroperasi terutamanya pada waktu malam kerana sukar dikesan oleh pihak berkuasa.

Kegiatan perdagangan ini lazimnya didalangi sindiket tertentu, kumpulan kongsi gelap, dan penjenayah terancang antarabangsa. Mereka mempunyai dana yang cukup besar untuk mengupah pakar bagi membuat kerja-kerja pemalsuan dokumen perjalanan seperti pasport, visa, dan permit kerja sehingga semua dokumen ini kelihatan benar-benar tulen. Mereka turut menggunakan peralatan telekomunikasi yang canggih untuk menjalankan kegiatan jenayah mereka. Jenayah perdagangan orang ini telah menjejaskan nama baik Malaysia di arena antarabangsa. Lantaran itu, semua pihak perlu bersatu dan melaksanakan tanggungjawab masing-masing berdasarkan gagasan Satu Malaysia demi membebaskan negara ini daripada masalah perdagangan orang.

(Diubahsuaikan daripada
Memerangi Jenayah Perdagangan Orang
oleh Lee Fook On, Dewan Masyarakat, Ogos 2010)

Soalan 2 : Pemahaman**[35 markah]****Soalan 2(a) — Petikan Umum**

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *diseludup merentasi sempadan*. [2 markah]
- (ii) Nyatakan aktiviti yang dilakukan oleh mereka yang terlibat dalam jenayah perdagangan orang. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan timbul akibat jenayah perdagangan orang di Malaysia? [4 markah]

Soalan 2 (b) Petikan Prosa Moden

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- RIPIN : Wak masuk hutan minggu lepas? (Melihat longgokan akar kayu di hujung beranda)
- TUK WALI : Nak dapat banyak tu, sehari suntuk aku di hutan. Bawa bekal nasi lagi!
- RIPIN : Dah berpuluh tahun diredah, wak! Tak ada siapa pulak yang menanam semula.
- TUK WALI : Kalau ikut petua, ikut pantang larang, sampai anak cucu pun *insya-Allah* ada lagi. Bila aku cakap pasal pantang larang, semua orang ketawa. Bila aku bukakan rahsia petua ke hutan, ada orang kata aku ni nak jadi Tarzan. Orang sekarang ni tak berasa malu lagi bila merosakkan ... dah hilang rasa hormat mereka pada alam!
- RIPIN : Petua yang mana, wak?
- TUK WALI : Pokok yang tengah berbunga atau berbuah, jangan ditebang. Pokok yang lebih kecil daripada jari hantu, jangan disentuh. Kalau hati belum pasti, jangan cantas. Kalau belum mengenal, berkenal dulu.
- RIPIN : Mereka mencantas, menebang tu pun kerana nak mengenallah, wak!
- TUK WALI : Belajarlah mengenal pada ibu, bukan cabut anak. (*Kesal*) Yang langgar pantang, anak cucu aku jugak. Cakap aku ni tak dihargai langsung. (*Marah*) Si Berahim anak tiri aku tu! Dia murid Si Guan, Guan kedai singse tu! Tunjuk mana pasak bumi, tongkat ali, dikenalkannya rancang besi, rancang tembaga, yang mana raja berangkat, apa khasiat lukai jantan, apa gunanya tengkuk biawak!

(Dipetik daripada drama *Gelanggang Tuk Wali* oleh Ismail Kassan, dalam antologi *Harga Remaja*, Dewan Bahasa dan Pustaka, *halaman 190- 191*)

- (i) Apakah petua yang disarankan oleh Tuk Wali bagi mengekalkan pokok-pokok di hutan? [3 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, apakah kepentingan sumber hutan terhadap hidupan dan ekonomi negara? [3 markah]
- (iii) Jelaskan satu pengajaran yang terdapat dalam petikan di atas dan dua lagi pengajaran yang terkandung dalam keseluruhan drama ini. [3 markah]

Soalan 2(c) Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Sebermula adapun raja di dalam negeri itu pun lagi muda belia dan lagi parasnya pun baik, elok. Maka saudagar itu pun datanglah ke negeri itu lalu menghadap raja. Maka harta benda yang baik-baik itu pun dipersembahkan kepada raja itu. Maka titah raja itu, “Apa kehendak hati saudagar kepada kita?” Sahut saudagar itu, “Ya Tuanku Syah Alam, adapun hamba datang ini, *hamba minta perhambakan* ke bawah Duli Syah Alam!” Maka raja pun berkata, demikian titahnya, “Baiklah! Jikalau saudagar akan pulang kelak datanglah kepada kita!” Maka oleh raja itu, sehari-hari saudagar itu dibawa oleh raja bermain-main pada segenap tempatnya itu. Adapun pada ketika itu musim pun sangat kemaraunya. Maka segala daun kayu pun habislah kering luruh daripada rantingnya, sangat kemaraunya negeri itu.

Syahadan bunga yang dipakai oleh saudagar itu jangankan layu, berubah pun tiada. Setelah dilihat oleh raja akan hal bunga yang dipakai oleh saudagar itu jangankan layu, berubah pun tidak, maka raja pun hairan akan dirinya. Berfikirlah di dalam hatinya, “Betapa juga perinya keadaan bunga itu, maka tiada layu, tiada berubah warnanya kerana kepada ketika ini musim sangat kemaraunya. Jangankan bunga yang sudah dipetik, sedangkan daunnya lagi luruh daripada dahannya!”

(Dipetik daripada Hikayat Khoja Maimun,
dalam antologi *Harga Remaja*,
Dewan Bahasa dan Pustaka, *halaman 86 - 87*)

- (i) Apakah maksud rangkai kata *hamba minta perhambakan*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan keajaiban bunga yang dimiliki oleh saudagar? [3 markah]
- (iii) Sekiranya anda saudagar, nyatakan tiga bentuk penghargaan yang boleh anda berikan sebagai balasan terhadap kesetiaan isteri anda itu. [3 markah]

Soalan 2(d) Petikan Sajak

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Adat Sezaman

Peradaban zaman semakin berlalu
 meninggalkan kesan mendalam
 terlalu indah apabila dipandang
 terlalu mulia apabila diselidik
 santun si dara jadi idaman
 warak si teruna jadi ikatan
 si tua tersenyum mesra
 memandang teruna dara
 sama cantik sama padan
 berganding bersama
 di singgahsana ...
 Masa itu telah jauh
 zaman sudah berlalu
 santun sang dara
 dan warak sang teruna telah lenyap
si tua berduka lara
 memandang teruna dara
 berganding tanpa silu
 tanpa hormat
 tanpa batasan
 adat sezaman ditinggal jauh
 adat agama dipandang remeh
 adat kuning jadi ikutan.

Wan Nazihah Wan Abdullah
Annyss Sophillea, 1997
 Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Mengapakah *si tua berduka lara*? [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, bagaimanakah cara untuk mengatasi masalah gejala sosial dalam kalangan remaja? Nyatakan tiga cadangan anda. [3 markah]
- (iii) Jelaskan dua nilai yang terdapat dalam sajak di atas. [4 markah]

Soalan 3: Pengetahuan dan Kemahiran Bahasa

[30 markah]

Jawab semua soalan

(a) *Tulis satu ayat bagi tiap-tiap perkataan di bawah untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukarkan imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

- (i) batas
- (ii) perbatasan
- (iii) membatasi
- (iv) agung
- (v) keagungan
- (vi) pengagungan

[6 markah]

(b) *Kenal pasti ayat-ayat di bawah dan nyatakan jenis-jenis ayat.*

- (i) Lauk ikan gelama masakan ibu sungguh sedap.
- (ii) “Antara pasukan Belanda dan Sepanyol, manakah pilihan anda?” tanya Masri.
- (iii) Wah, bergaya awak hari ini! Tentu ramai yang terpicik dengan awak.
- (iv) Pokok Tembusu itu terlalu tua.
- (v) “Tolong angkat tong sampah ini,” pinta Norhaniyah.
- (vi) “Awak tak usahlah pergi ke rumahnya, nanti kakaknya marah,” kata Azizah.

[6 markah]

(c) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan ejaan dan satu kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Masih banyak orang yang mempercayai kaedah perubatan teradisional kerana mereka menganggap kaedah tersebut mampu menyembuhi pelbagai penyakit kronik.
- (ii) Kelayakkan dalam bidang perakaunan sangat penting kepada seseorang yang ingin melibatkan diri dalam lapangan perniagaan.
- (iii) Barah merupakan pembunuh yang paling menggeronkan dewasa ini tetapi dapat dikawal dengan mengambil berat tentang makanan dan cara hidup yang sihat.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*
- (i) Anak-anak dilarang daripada menyahut perbualan orang tua-tua kerana perbuatan itu menyalahi akan adat ketimuran.
 - (ii) Puan Asbaida telah diminta untuk menyebut sepatah dua kata di dalam majlis yang dianjurkan oleh kakitangan pejabat sempena persaraannya.
 - (iii) Dalam Seminar Bahasa Kebangsaan itu, beberapa orang sasterawan telah melebarkan berbagai kertas kerja tentang perkembangan bahasa Melayu di nusantara.

[6 markah]

- (e) *Tulis satu ayat bagi setiap peribahasa atau cogan kata berikut. Ayat anda hendaklah dapat memberikan maksud peribahasa atau cogan kata berikut.*
- (i) seperti paku dengan penukul
 - (ii) ketam mengajar anaknya berjalan lurus
 - (iii) pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara

[6 markah]

Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel yang berikut :

i) *Renyah karya Gunawan Mahmood.*

(a) Berdasarkan novel yang telah anda kaji, jelaskan dua perwatakan watak utama daripada novel tersebut.

[7 markah]

(b) Pembaca akan memperoleh pelbagai mesej dan pengajaran daripada novel yang dibaca. Berdasarkan novel yang telah anda kaji, jelaskan tiga pengajaran yang terdapat dalam novel tersebut.

[8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

